



JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR MALAYSIA

LAPORAN LIPUTAN MEDIA

Selasa, 15 Februari 2022	
1	Empat pasar raya besar dapat kebenaran import ayam
2	-Tiada larangan YB tinjau Jualan Keluarga Malaysia -Guna AP khas mampu turunkan harga barang
3	Empat pasar raya terpilih
4	MEDEC sedia bantu perluas tanaman jagung
5	Pancing ikan dapat kucing
6	' Ecah suka ' menyakat

DISEDIAKAN OLEH:

**SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT
JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR MALAYSIA**

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
15.2.2022	BERITA HARIAN	NASIONAL	14

Empat pasar raya besar dapat kebenaran import ayam

Oleh Amir Mamat
bhnews@bh.com.my

Melaka: Empat pasar raya besar di negara ini sudah diberi kebenaran oleh Jabatan Perkhidmatan Veterinar (JPV) untuk mengimport ayam bulat sejuk beku dari beberapa negara dan menjualnya secara terus kepada pengguna.

Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Makanan 1, Datuk

Seri Ahmad Hamzah, berkata pasar raya terbabit ialah Mydin, NSK, Lulu dan Lotus yang diberi permit import (AP) untuk membawa masuk ayam bulat sejuk beku bagi menampung permintaan pengguna di negara ini, sekali gus dapat menstabilkan harga ketika ini.

Beliau berkata, pemberian AP khas bermula 8 Februari lalu itu juga membolehkan bekalan ayam diperoleh terus daripada

pemborong tanpa memerlukan peranan orang tengah, termasuk ejen bekalan.

“Kerajaan mengambil tindakan tepat dengan memberikan kelulusan kepada empat pasar raya untuk mengimport ayam bulat. Maknanya, pasar raya berkenaan boleh dapatkan (mengimport) dan menjualnya secara terus.

Nasional 8

Tiada larangan YB tinjau Jualan Keluarga Malaysia

637 program
dilaksanakan
di 214 kawasan
Parlimen
di seluruh negara

Oleh Baharom Bakar
bhnews@bh.com.my

Kuala Terengganu: Kerajaan tidak menghalang wakil rakyat, termasuk daripada pembangkang untuk melakukan tinjauan mesra di lokasi Program Jualan Keluarga Malaysia (PJKM).

Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Rosol Wahid, berkata kehadiran wakil rakyat di setiap lokasi PJKM di seluruh negara didapati banyak memanfaatkan pengunjung.

Katanya, wakil rakyat yang hadir melakukan tinjauan mesra ke lokasi PJKM didapati memberi subsidi pelbagai barangan termasuk ayam segar, telur, minyak masak dan beras kepada pengunjung.

"Walaupun harga pelbagai barangan dijual pada PJKM di kurangkan di 10 hingga 20 peratus, kesediaan wakil rakyat memberi subsidi ketika melakukan tinjauan mesra memanfaatkan pengunjung."

"Kita tidak pernah menghalang dan sentiasa mengalu-alukan wakil rakyat untuk melakukan tinjauan mesra di semua tapak PJKM anjuran Ke-



Rosol (tiga dari kanan) sedang membungkus ayam segar ditempah pelanggan pada PJKM di Dataran Kuala Ping, Kuala Berang, 5 Februari lalu. (Foto Baharom Bakar/BH)

menterian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) yang sedang giat dilaksanakan di seluruh kawasan Parlimen," katanya kepada BH, semalam.

Rosol yang juga Ahli Parlimen Hulu Terengganu berkata demikian ketika mengulas tanda tanya beberapa wakil rakyat yang bercadang turut hadir ke PJKM yang diadakan di kawasan Parlimen di seluruh negara.

Beliau berkata, KPDNHEP sentiasa mengalu-alukan kehadi-

ran wakil rakyat dan pemimpin masyarakat untuk bersama penduduk pada PJKM yang sedang giat diadakan bertujuan mengurangkan bebanan pengguna yang terkesan susulan kenaikan harga barangan.

Bagaimanapun, katanya, wakil rakyat perlu mematuhi prosedur ditetapkan, termasuk tidak boleh menyampaikan ucapan dan merasmikan program.

"Berdasarkan laporan, kita dapati ada wakil rakyat melakukan tinjauan mesra mengguna-

kan peruntukan memberi subsidi pelbagai barangan keperluan asas termasuk telur, ayam segar, beras, minyak masak dan tepung gandum," katanya.

Mengenai program PJKM, Rosol berkata, sehingga Rabu lalu, sebanyak 637 program dilaksanakan di 214 kawasan Parlimen di seluruh negara.

"PJKM diadakan dihadiri lebih sejuta pengunjung dan hasil jualan diperoleh peniaga yang menyertai program itu adalah sebanyak RM20.2 juta," katanya.

Guna AP khas mampu turunkan harga barang

Dari muka 1

"Bagi saya, menerusi kaedah itu dapat menurunkan harga kerana mereka tidak perlu (caj) melalui orang tengah atau ejen, sebaliknya jual dengan harga rendah terus kepada pengguna," katanya selepas menyampaikan bantuan tunai kepada 98 mangsa banjir dalam Dewan Undangan Negeri (DUN) Sungai Rambai, di sini, semalam.

Kerajaan sebelum ini membebankan beberapa syarikat yang dilantik MAFI untuk mengimport ayam bulat sejuk beku sehingga 10,000 tan metrik atau 5.5 juta ayam sebulan sehingga bulan ini, bagi menangani isu bekalan ayam.

port ayam bulat yang dikenal pasti adalah Thailand, China dan Brazil.

Bagaimanapun, pengimportan akan dihentikan sebaik sahaja bekalan ayam di negara ini stabil semula namun usaha itu tergendala selepas berlaku beberapa masalah teknikal.

Susulan itu, harga ayam bulat di negara ini naik mendadak, selepas beberapa pemborong mendakwa harga makanan ternakan itu meningkat beberapa kali ganda daripada sebelumnya.

Pada 31 Januari lalu pula, kerajaan menetapkan harga maksimum runcit bagi ayam standard ialah RM8.90 sekilogram, iaitu pengurangan 20 sen daripada harga siling semasa RM9.10.

Ia diputuskan Majlis Tindakan Sara Hidup Negara (NACOL) Mengenai Pengeluaran Makanan yang Mesyuarat khasnya yang dipengeruskan Perdana Menteri, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob.

Mesyuarat berkenaan turut membincangkan isu bekalan dan pengeluaran makanan terutama ayam dan telur ayam dan memfokuskan kepada penyelesaian jangka pendek untuk mengurangkan tekanan kenaikan harga.

Sementara itu, Ahmad yang juga Ahli Parlimen Jasir, berkata MAFI kini di peringkat akhir mengumpul maklumat mengenai kerosakan yang dialami golongan petani, penternak dan nelayan akibat bencana banjir

besar Disember lalu.

Katanya, maklumat berkenaan bagi membolehkan Kementerian menyalurkan bantuan kepada golongan itu menerusi Dana Bangkit Semula Keluarga Agro.

"Menerusi peruntukan RM100 juta itu, MAFI akan mula gahikan bantuan terbabit dalam masa terdekat, selepas semua maklumat kerosakan itu sudah lengkap.

"Bantuan itu akan diagihkan menerusi jabatan berkaitan seperti Jabatan Perikanan, JPV serta Jabatan Pertanian, sekali gus diharap dapat meringankan beban golongan 'wira agro' itu selain membolehkan mereka membangunkan kembali sektor pertanian yang terjejas akibat banjir," katanya.

Melaka

Empat pasar raya besar di negara ini diberi kebenaran oleh Jabatan Perkhidmatan Veterinar (JPV) untuk mengimport ayam bulat sejuk beku dari beberapa negara serta menjual terus kepada pengguna. Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Makanan, Datuk Seri Ahmad Hamzah berkata, pasar raya itu Mydin, NSK, Lulu dan Lotus's.

Katanya, pasar raya itu diberi Lesen Import (AP) untuk membawa masuk ayam bulat sejuk beku bagi menampung permintaan pengguna di negara ini, sekali gus menstabilkan harga bahan mentah itu ketika ini.

Katanya, langkah pemberian AP khas itu bermula 8 Februari lalu bertujuan membolehkan bekalan ayam diperolehi terus daripada pemborong tanpa memerlukan orang tengah termasuk ejen bekalan.

"Kerajaan mengambil tindakan tepat dengan memberikan kelulusan kepada empat pasar raya untuk mengimport ayam bulat. Maknanya, pasar raya berkenaan boleh mendapatkan membeli (mengimport) dan menjualnya secara terus."

"Menerusi kaedah itu dapat menurunkan harga ke-

Empat pasar raya terpilih

Mydin, NSK, Lulu dan Lotus's dapat AP import ayam, jual terus kepada pengguna



MYDIN

rana mereka tidak perlu (caj) orang tengah atau ejen, sebaliknya jual dengan harga rendah terus kepada pengguna," katanya selepas menyampaikan bantuan tunai kepada 98 mangsa banjir dalam kawasan Dewan Undangan Negeri (Dun) Sungai Rambai di sini, semalam.

Bantuan RM200 setiap seorang itu sumbangan kerajaan negeri yang diagihkan menerusi Pejabat Daerah dan Tanah Jasin.

Turut hadir Ahli Dewan Undangan Negeri

(Adun) Sungai Rambai, Siti Faizah Abd Aziz dan Penghulu Sungai Rambai, Zakaria Abu Bakar.

Kerajaan sebelum ini mengumumkan membenarkan beberapa syarikat yang dilantik Mafi untuk mengimport ayam bulat sejuk beku sehingga 10,000 tan metrik atau 5.5 juta ayam sebulan sehingga bulan ini bagi menangani kekurangan bekalan.

Bagaimanapun, usaha itu tergendala selepas berlaku beberapa masalah teknikal.



SEORANG pelanggan meneliti ayam sebelum dipilih untuk dibeli dengan harga subsidi di sebuah pasar raya di Kuantan, kelmarin. Kerajaan bersetuju memberi subsidi harga ayam kepada penternak sepanjang tempoh pelaksanaan Skim Kawalan Harga Keluarga Malaysia (SKHKM) iaitu 60 sen sekilogram untuk ayam hidup dan ayam bulat. Ia bagi meringankan beban rakyat untuk mendapatkan bekalan bahan basah itu di pasaran.

Langkah pemberian AP khas bermula pada 8 Februari lalu

Medac sedia bantu perluas tanaman jagung

JOHOR BAHRU - Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi (Medac) sedia bekerjasama dengan Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (Mafi) bagi memperluaskan industri tanaman jagung untuk menampung keperluan makanan ternakan.

Menterinya, Tan Sri Noh Omar berkata, antara usaha yang mungkin boleh dilaksanakan adalah dengan bekerjasama menyediakan tapak tanaman dengan kedua-dua kementerian memainkan peranan masing-masing.

“Bagi kita apa juga perancangan bersama Mafi, kita kena kerjasama seperti program koperasi pertanian yang dilakukan di masjid-masjid. Mereka juga ada maklumkan yang jabatan pertanian ada memberi sumbangan dan beri bimbingan.

“Jadi koperasi pertanian di bawah Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM) ini sudah tentulah akan bekerjasama dan boleh jadi kita berkongsi modal bersama.

“Mungkin jabatan pertanian boleh berikan benih, dan kita (koperasi) boleh sediakan modal untuk membersihkan tanah (untuk aktiviti pertanian),” katanya pada sidang akhbar ketika lawatan rasmi di Koperasi Kariah Masjid Taman Impian Emas di sini pada Isnin.

Sebelum ini, media melaporkan Menteri Mafi, Datuk Seri Dr Ronald Kiandee memaklumkan pihaknya akan memperluaskan industri tanaman jagung dalam negara bagi menampung keperluan bahan makanan ternakan.

Ronald berkata, bagi tujuan itu pihaknya juga akan berbincang dengan beberapa pemain industri pelbagai subsektor ternakan dan makanan untuk mencari penyelesaian terbaik.

Dalam perkembangan lain, Noh berkata, pada tahun ini Medac juga menetapkan petunjuk prestasi utama (KPI) untuk mencapai sekurang-kurangnya 10 peratus koperasi masjid boleh ditubuhkan.



Noh (tiga dari kanan) melihat hasil tanaman yang diusahakan Koperasi Masjid Taman Impian Emas pada lawatan kerjanya di tapak tanaman Koperasi Masjid Taman Impian Emas, Johor Bahru pada Sabtu.

Oleh Mohd Rafi Mamat
am@hmetro.com.my

Rompin

Pancing ikan dapat kucing

Wanita sedih si bulus tersangkut mata kail di lidah akibat makan ikan umpan

“D alam tempoh dua tahun, saya sudah menemui lapan kucing jalanan tersangkut mata kail pada lidahnya selepas makan keratan ikan umpan ditinggalkan kaki pancing,” kata Ros Haliza Roslan, 40.

Ros Haliza yang menetap di Kampung Pantai Bernas di sini, berkata keadaan itu berlaku disebabkan sikap cuai pemancing meninggalkan umpan di jeti Kampung Pantai Bernas, di sini.

Menurutnya, haiwan itu terpaksa menanggung kesakitan apabila mata kail bersaiz sederhana tersangkut pada lidah mereka.

Katanya, usaha untuk mengeluarkan mata kail berkenaan pula terpaksa dilakukan dengan mengeluarkan sedikit bayaran.

“Kebiasaannya saya akan membawa kucing yang cedera bertemu doktor di Pejabat Veterinar Daerah Rompin bagi mencabut mata kail yang tersangkut pada lidah dengan bayaran antara RM10 hingga RM20.



KUCING jalanan yang tercekik mata pancing selepas termakan umpan terpakai dibuang pemancing di jeti Kampung Pantai Bernas, Rompin.

“Saya menangis setiap kali melihat kucing yang mengalami kecederaan termasuk terkena mata kail, tetapi usaha merawat akan dilakukan walaupun terpaksa mengeluarkan perbelanjaan sendiri,” katanya.

Ros Haliza yang memiliki 10 kucing berkata, lima ku-

cing terkena mata kail ditemui tahun lalu dan dalam tempoh dua bulan tahun ini tiga kes sudah dikesan.

“Tidak mustahil kejadian



sama berulang sekiranya tiada kesedaran di kalangan kaki pancing.

“Perbuatan tidak bertanggungjawab pemancing yang meninggalkan keratan ikan umpan memancing bersama mata kail mengundang kepada kejadian terbabit,” katanya.

Katanya, jeti Kampung Pantai Bernas menjadi tumpuan pemancing pada hujung minggu kerana perairan di situ terdapat pel-

bagai jenis ikan.

“Saya merayu kepada pemancing supaya tidak membuang keratan umpan ikan yang masih terdapat mata kail kerana akan mengundang bahaya kepada kucing yang memakannya.

“Pada masa sama, saya tidak sanggup melihat haiwan manja itu menanggung kesakitan hingga menyebabkan tidak boleh makan, dan rawatan segera perlu diberikan,” katanya.

'Ecah suka' menyakat

Penternak kongsi ilmu, gelagat kambing dibela di TikTok



PENGUNJUNG melihat kambing dibela Azroy.



AZROY (kiri) bersama pengunjung yang datang ke kandang kambing miliknya.

dan dua pekerja bagi memantau serta menguruskan kambing ternakan di kandang dekat kawasan perumahan.

Katanya, selain kaedah penjagaan, rawatan dan pengurusan kewangan, banyak lagi dipelajarinya sepanjang menjadi penternak termasuk tabiat pelik kambing yang tidak diketahuinya sebelum ini.

"Mereka yang mengikuti perkembangan saya di TikTok pasti tahu saya beri nama pada setiap kambing ternakan.

"Nama diberi mengikut karakter kambing dan banyak diambil daripada nama rakan atau orang terdekat.

"Sebahagiannya (kambing) agak istimewa kerana tabiat pelik misalnya Kamaruddin yang tidak makan rumput seperti kambing lain tetapi suka kuih, roti serta susu daripada satu jenis jenama saja.

"Seekor lagi kambing diberi nama Ecah yang suka 'menyakat' saya kerana akan mengembek lebih kuat apabila saya diam manakala Damia ada tabiat lari dari kandang serta duduk di tempat makanan," katanya.

Azroy berkata, gelagat kambing ternakan itu menyebabkan kandangnya sering menerima kunjungan orang ramai dengan kebanyakannya terdiri daripada pengikut di TikTok.

Lebih mengejutkan Azroy apabila pengikutnya itu sanggup datang daripada luar Kuala Lumpur dan Selangor untuk melihat kambing ternakannya dengan lebih dekat.

Oleh Redzuan
Muharam
redzuan.muhamar@hmetro.com.my

Gombak

Selepas 12 tahun menjadi penasihat jualan di syarikat automotif, Azroy Abdul Manaf kini menjadi penternak kambing berjaya selepas bertukar bidang pada hujung 2017.

Bermula sebagai hobi, Azroy, 38, akhirnya nekad serius dalam bidang ternakan dan kini melakukannya secara sepenuh masa menguruskan 250 kambing ternakannya.

Gelagat bapa kepada seorang anak itu dengan haiwan kesayangannya mendapat perhatian kerana dia sering memuat naik pelbagai video ketika berada di kandang di TikTok miliknya, @kambingyanganah.

Azroy yang menetap di Kampung Sungai Salak Tambahan, Batu 9 di sini tidak lokek berkongsi ilmu

dalam bidang ternakan seperti cara penjagaan kambing serta berkaitan setiap kali bersiaran langsung di platform itu.

"Sudah lima tahun saya jadi penternak kambing dan tak sangka boleh terjebak kerana tiada pengalaman dalam bidang ini.

"Pada awalnya saya hanya pelihara dua kambing ditempatkan di pondok dekat rumah dan itu pun sebagai hobi saja.

"Kemudian, kambing peliharaan saya membiak dan daripada situ datang keinginan menjadi penternak sepenuh masa," katanya.

Azroy berkata, dia dibantu adiknya, Raihanulfitri Abdul Manaf, 20, bapa saudara, Sahal Sarobena, 60,



Sudah lima tahun saya jadi penternak kambing dan tak sangka boleh terjebak kerana tiada pengalaman dalam

© F9 @dvs@ana

Azroy



AZROY memelihara 250 kambing ternakan secara sepenuh masa.